

Konsep Jenayah Makanan Menurut Perspektif Halal

MUHAMAD AFIQ ABD RAZAK

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor
muhamadafiq@uitm.edu.my

MOHD ANUAR RAMLI

Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
mohdanuar@um.edu.my

ABSTRAK

Jenayah makanan merupakan permasalahan serius yang kini menular ke dalam sektor industri halal. Industri halal, khususnya sektor makanan yang kian berkembang hingga peringkat global sedang mendepani pelbagai ancaman-ancaman jenayah makanan memerlukan kepada penyelesaian yang mapan dan komprehensif. Hal ini adalah mustahak untuk ditangani kerana ia boleh memberi impak yang negatif terhadap kelangsungan rantai bekalan makanan halal sama ada di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Justeru, kertas kerja ini mengemukakan analisis terhadap konsep jenayah makanan menurut perspektif halalan tayyiban. Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif dalam pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini merumuskan bahawa jenayah makanan halal melibatkan tindakan atau perbuatan mencemarkan produk makanan yang berstatus halal secara sengaja sehingga boleh menggugat status halalan tayyiban-nya. Oleh itu, mekanisme pertahanan makanan halal perlu dilaksanakan agar rantai bekalan makanan halal dapat dipelihara.

Kata kunci: Jenayah makanan, Kartel, Terorisme makanan, Pencemaran sengaja, Halal

PENGENALAN

Sektor makanan merupakan antara penyumbang utama kepada sumber ekonomi negara. Industri halal, melalui sektor makanan turut menyumbangkan pendapatan yang signifikan kepada negara dan semakin berkembang di peringkat global. Hal ini kerana industri makanan halal sudah mula bertapak di peringkat antarabangsa disebabkan kemunculan sistem pensijilan halal dan badan pensijilan (*certifying bodies*) bukan sahaja di Malaysia malah diceburi oleh berbagai negara termasuklah negara bukan majoriti Muslim. Menurut Halal Corporation Development (HDC), hasil eksport bagi produk halal Malaysia telah menyumbang pendapatan berjumlah RM40.2 billion pada tahun 2020¹. Perkembangan ini adalah satu perkembangan yang baik kepada pembangunan industri halal makanan dan kewujudan sistem jaminan halal (*Halal Assurance Management System*) memperkasakan penjagaan integriti halal merentasi

¹MIDA. (2020). Food Industry in Malaysia. Kuala Lumpur: MIDA Retrieved from https://www.mida.gov.my/home/administrator/system_files/modules/photo/uploads/20200707102649_Food%20Industry%20in%20Malaysia_03072020.pdf

rantaian bekalan makanan dalam jaringan yang lebih meluas. Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) merupakan badan di bawah agensi Kerajaan Persekutuan diberikan mandat untuk menguruskan Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM) serta bertindak sebagai badan berautoriti dalam hal ehwal berkaitan dengan pensijilan halal.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mula memperkenalkan sistem pensijilan halal pada 1974, diikuti dengan peluncuran logo halal dikuatkuasakan pada tahun 1994². Melihatkan kepada potensi pasaran produk-produk halal, berlaku peningkatan dalam kalangan pemain industri makanan mempersijilkan produk-produk mereka. Hal ini menunjukkan bahawa komitmen industri dalam memastikan segala ramuan yang digunakan dan proses penghasilannya dijalankan dengan mematuhi garis panduan syarak³ seterusnya mendapat kepercayaan pengguna Muslim. Potensi pensijilan halal Malaysia semakin mendapat perhatian oleh ramai pihak sama ada industri lokal malah turut menarik minat syarikat-syarikat multinasional. Oleh yang demikian, dengan pertambahan pemain industri yang menjadi pemegang sijil halal, ianya terbukti berjaya merancakkan sektor ini dalam menyumbang kepada kemakmuran ekonomi Malaysia.

Berdasarkan pencapaian-pencapaian ini, industri makanan halal dapat diposisikan sebagai subset kepada sektor makanan di dalam negara. Selain daripada soal berkaitan pensijilan, terdapat aspek yang sangat penting dan perlu diberi perhatian, iaitu soal kerentanan rantai bekalan makanan halal. Realitinya, sektor makanan amat berkait rapat dengan kestabilan sesebuah negara, kerana ia merupakan sumber keperluan asas selain penggerak ekonomi terpenting bagi menjamin survival sesebuah negara itu. Oleh yang demikian, sektor ini perlu dipelihara daripada sebarang ancaman dan terus dipertahankan agar fungsinya sebagai nadi ekonomi negara dapat tercapai. Hal ini berikutan daripada perkembangan semasa yang memperlihatkan sektor makanan begitu terdedah dengan pelbagai ancaman yang boleh memutuskan rantai bekalnya, dan ini juga melibatkan ekosistem halal di Malaysia.

Ancaman yang semakin mendapat perhatian berkaitan dengan industri makanan halal adalah ancaman jenayah makanan. Secara amnya, jenayah makanan merujuk kepada tindakan mencemarkan secara sengaja produk makanan sama ada dengan tujuan untuk meraih kepentingan ekonomi/penipuan atau bertujuan untuk menyebabkan kesan buruk tertentu yang disertakan niat yang jahat (*malicious intention*). Risiko pencemaran boleh berlaku pada setiap peringkat dalam rantai bekalan makanan bermula dari penyediaan bahan mentah hingga ke penghujung rantai bekalan atau ke peringkat pengguna akhir (Nurul Asmida & Mohd Anuar, 2019).

Dalam konteks jenayah makanan halalan tayyiban, perbuatan jenayah ini termasuk mencemarkan bahan terlarang dengan sengaja untuk mendapatkan keuntungan tanpa mengambil kira aspek ketulenan makanan dan keselamatan pengguna. Melihat dari konteks jenayah makanan halalan tayyiban pula, kesalahan jenayah yang melibatkan makanan dan

² JAKIM. (2020). Sejarah Halal. Diakses dari <http://www.halal.gov.my/v4/index.php?data=bW9kdWxlc9uZXdzOzs7Ow==&utama=ann&ids=corporate&lang=bn> pada 27/2/2021

³ Shaary, K., Wan Harun, M. A., & Shaary, K. (2020). Analisis Laporan Penang International Halal Hub (PIHH) Mengenai Trend Pensijilan Halal Produk Makanan, Bahan Mentah dan Premis Makanan di Pulau Pinang dari Tahun 2010 Hingga 2017. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 61-72.

minuman termasuk pencemaran dengan sengaja dengan bahan najis seperti babi, darah, bangkai, haiwan halal yang tidak disembelih, haiwan larangan seperti tikus dan monyet, berbahaya, dan memabukkan seperti arak (kandungan alkohol yang melebihi paras yang dibenarkan). Selain itu, tindakan pemalsuan yang disengajakan ini juga melibatkan penggunaan agen berbahaya iaitu agen biologi, agen kimia, agen fizikal dan agen radiologi yang boleh menjejaskan kesihatan dan kehidupan pengguna (Manning, 2019). Konsep jenayah makanan perlu dibezakan dengan konsep keselamatan makanan (*food safety*) walaupun kedua-duanya mempunyai perkaitan yang rapat. Memandangkan masih belum banyak penulisan serta kajian yang memperincikan berkaitan jenayah makanan khususnya berkaitan dengan makanan halal, maka kajian ini dilaksanakan bagi menjelaskan konsep ini.

SOROTAN LITERATUR

Jenayah makanan boleh dianggap sebagai ancaman yang muncul dalam ekosistem halal serta rantaian bekalan halal. Md Ariffin et al. (2021) menegaskan bahawa jenayah makanan berlaku disebabkan beberapa faktor seperti; yang pertama: sifat perniagaan dunia atau organisasi jenayah yang mengeksploitasi makanan untuk mendapatkan keuntungan (Md Ariffin et al., 2021). Faktor pertama menjelaskan bahawa organisasi jenayah yang menerapkan 'model perniagaan penipuan' dengan menjual produk pemalsuan. Menurut Chris Elliot dari Univeristy of Belfast, penipuan makanan menjadi jenayah makanan apabila perubahan eksponen tahap organisasi di mana kedua-dua rangkaian formal atau tidak formal pelaku terlibat mempunyai peranan yang berbeza dalam aktiviti jenayah (Evershed & Temple, 2016). Kegiatan jenayah ini kini nampaknya telah melibatkan rantaian bekalan makanan halal seperti skandal daging halal di United Kingdom yang mana perdagangan daging halal palsu semakin meningkat (Pointing & Teinaz, 2004). Faktor penyebab jenayah makanan lain ialah kegawatan ekonomi, isu integriti di kalangan pihak berkuasa dan tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan pemain industri (Md Ariffin et al., 2021).

METODOLOGI

Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif dalam pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

DAPATAN KAJIAN

Berkaitan dengan sektor industri makanan halal, antara isu yang semakin serius berlaku adalah isu jenayah makanan. Industri makanan pada hakikatnya, tidak terlepas daripada sasaran penjenayah⁴, kartel⁵, pengganas⁶ (*terrorist*) yang menjadikan sektor makanan sebagai komiditi;

⁴ Fassam, L., Dani, S., & Hills, M. (2015). Supply chain food crime and fraud a systematic literature review of food criminality. Paper presented at the 20th International Symposium on Logistics (ISL 2015) : Designing Responsible and Innovative Global Supply Chains, Bologna, Italy. <https://pure.northampton.ac.uk/en/activities/supply-chain-food-crime-amp-fraud-a-systematic-literature-review->

⁵ Muhadi, M. S. Diakses dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4642-bayan-linnas-siri-ke-232-isu-kartel-daging-haram-dan-hukum-yang-berkaitan-dengannya>


⁶ Interpol. (2016). Countering terrorism threat to food supplies focus of international symposium. Food Defence Symposium: The Impact of Chemical and Biological Threats. Retrieved from <https://www.interpol.int/fr/Actualites-et-evenements/Actualites/2016/Countering-terrorism-threat-to-food-supplies-focus-of-international-symposium>

iaitu bagi tujuan kepentingan ekonomi mereka begitu juga sebagai taruhan atau tebusan 'bargaining chip' demi mencapai kepentingan seperti tuntutan yang diinginkan serta ideologi yang dibawa. Ini terbukti dengan wujudnya rangkaian jenayah makanan (*food criminal network*) yang beroperasi dalam industri makanan untuk mencapai keuntungan berlipat kali ganda melalui cara dan modus operandi yang licik serta membelakangi undang-undang yang dikenakan oleh pihak kerajaan dan autoriti⁷.

Jenayah makanan atau '*food crime*', boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk mengikut pelaksanaannya, jenis sasaran dan objektif yang ingin dicapai. Istilah lain yang cukup rapat dengan jenayah makanan adalah disebut sebagai '*intentional adulteration/contamination*', atau pengadukkan/pencemaran secara sengaja. Pencemaran secara sengaja dalam industri makanan dapat dikategorikan kepada dua spektrum iaitu: (i) yang bementingkan tingkah laku atau ideologi dan (ii) yang bementingkan ekonomi. Berdasarkan kepada jenis sasaran dan motifnya, terdapat beberapa bentuk jenis jenayah makanan yang berlaku di dalam industri makanan. Manning (2016) membahagikan jenis jenayah makanan kepada 10 jenis iaitu: (1) Adulterasi (*adulteration*), (2) Pemalsuan (*counterfeiting/food fraud*), (3) Pengalihan (*diversion*), (4) Penghasilan berlebihan barangan (*over-run*), (5) Simulasi (*simulation*), (6) Pencerobohan (*tampering*), (7) Pencurian (*theft*), (8) Pencemaran berniat jahat/terrorisme/sabotaj (*malicious poisoning/terrorism/sabotage*), (9) Representasi yang mengelirukan (*misleading indicators*) dan (10) Penipuan pembungkusan (*overlarge packaging*).

Menurut agensi keselamatan makanan British Standards Institution (BSI), agensi ini menghuraikan enam (6) jenis ancaman yang melibatkan pencemaran sengaja dalam rantaian bekalan makanan: (1) Adulterasi bermotif ekonomi (*economically motivated adulteration*), (2) Pencemaran berniat jahat (*malicious contamination*), (3) Ekstorsi (*extortion*), (4) Espionaj (*espionage*), (5) Pemalsuan (*counterfeiting*) dan (6) Jenayah siber (*cyber crime*)⁸. Berdasarkan dua sumber literatur ini, didapati bahawa terdapat perbezaan serta persamaan terhadap penetapan jenis-jenis jenayah makanan. Perbandingan di antara keduanya, Manning (2019) lebih memperhalusi setiap taksonomi ancaman jenayah makanan manakala BSI pula lebih luas penafsirannya terhadap ancaman jenayah makanan.


Jenis-jenis jenayah makanan



⁷ Evershed, R., & Temple, N. (2016). *Sorting the beef from the bull: The science of food fraud forensics*. London: Bloomsbury. Halaman 6-7.

⁸ British Standards Institution. (2014). *PAS 96:2014 Guide to protecting and defending food and drink from deliberate attack*. BSI Standards Limited.

Antara jenayah makanan yang popular adalah seperti pemalsuan produk makanan dan adulterasi. Pemalsuan produk makanan melibatkan penghasilan dan pemasaran produk palsu yang tidak menggunakan ramuan asli, tetapi menggunakan bahan ramuan yang berkualiti rendah atau murah⁹. Jenis jenayah ini biasanya dilakukan oleh penjenayah yang bermotifkan ekonomi atau dengan kata lain, mereka mengutamakan keuntungan semata-mata, justeru pelakunya tidak mempedulikan soal keselamatan makanan, asalkan barangannya melepasi pemantauan pihak berkuasa dan selagi tidak tertangkap, selagi itulah operasi mereka bergerak.



Sungguhpun demikian, terdapat insiden yang berlaku baru-baru ini memperlihatkan bahawa ekosistem industri halal produk makanan mula menampakkan ancaman-ancaman yang boleh menggugat kestabilannya. Insiden kartel daging haram yang dilaporkan pada tahun 2020 di Johor melibatkan sejumlah besar produk daging beku yang dipalsukan logo halalnya menjadi tamparan kepada pelbagai pihak. Ianya telah menjadi suatu bentuk cabaran terhadap kredibiliti ekosistem halal Malaysia khususnya sistem pensijilan halal Malaysia yang dianggap perintis kepada pensijilan halal yang unggul di peringkat antarabangsa. Jika diteliti, insiden kartel daging ini adalah termasuk dalam kes jenayah makanan. Hal ini kerana, modus operandi yang telah dibongkarkan oleh pihak berkuasa atas siasatan mendapati bahawa operasi penjualan pihak terbabit telah berlaku sekian lama dan jumlah yang cukup besar melibatkan produk yang diimport dari pelbagai negara termasuklah Amerika Latin dan Eropah. Sudah pasti, insiden ini menimbulkan berbagai persoalan, dan pastinya pihak autoriti berwibawa JAKIM seringkali menjadi tumpuan utama oleh masyarakat tentang insiden ini. Jelasnya, insiden ini menunjukkan bahawa kemunculan jenayah makanan secara langsung melibatkan ekosistem industri produk makanan halal.

KESIMPULAN

Memandangkan sektor industri halal makanan memiliki potensi yang signifikan dalam pendapatan negara, terdapat ancaman baharu yang dapat menggugat kelangsungan ekosistem industri halal. Ekosistem industri halal dalam sektor makanan merupakan tunjang penting dalam memastikan kelestarian industri halal di Malaysia. Ancaman jenayah makanan didapati sebagai permasalahan yang serius yang boleh merosakkan ekosistem halal. Kestabilan dan

⁹ *Ibid.* Halaman 17.

kelestarian ekosistem industri halal adalah sangat mustahak, justeru ia perlu dipelihara agar tidak berlaku insiden jenayah makanan yang mengeksploitasi perusahaan halal untuk kepentingan tertentu semata-mata.

RUJUKAN

- British Standards Institution. (2014). PAS 96:2014 Guide to protecting and defending food and drink from deliberate attack. BSI Standards Limited.
- Evershed, R., & Temple, N. (2016). *Sorting the beef from the bull: The science of food fraud forensics*. London: Bloomsbury. Halaman 6-7.
- Fassam, L., Dani, S., & Hills, M. (2015). Supply chain food crime and fraud a systematic literature review of food criminality. Paper presented at the 20th International Symposium on Logistics (ISL 2015) : Designing Responsible and Innovative Global Supply Chains, Bologna, Italy. <https://pure.northampton.ac.uk/en/activities/supply-chain-food-crime-amp-fraud-a-systematic-literature-review->
- Interpol. (2016). Countering terrorism threat to food supplies focus of international symposium. Food Defence Symposium: The Impact of Chemical and Biological Threats. Retrieved from <https://www.interpol.int/fr/Actualites-et-evenements/Actualites/2016/Countering-terrorism-threat-to-food-supplies-focus-of-international-symposium>
- JAKIM. (2020). Sejarah Halal. Diakses dari <http://www.halal.gov.my/v4/index.php?data=bW9kdWxlc9uZXdzOzs7Ow==&utama=ann&ids=corporate&lang=bm> pada 27/2/2021
- MIDA. (2020). Food Industry in Malaysia. Kuala Lumpur: MIDA Retrieved from https://www.mida.gov.my/home/administrator/system_files/modules/photo/uploads/20200707102649_Food%20Industry%20in%20Malaysia_03072020.pdf
- Muhadi, M. S. Diakses dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4642-bayan-linnas-siri-ke-232-isu-kartel-daging-haram-dan-hukum-yang-berkaitan-dengannya>
- Shaary, K., Wan Harun, M. A., & Shaary, K. (2020). Analisis Laporan Penang International Halal Hub (PIHH) Mengenai Trend Pensijilan Halal Produk Makanan, Bahan Mentah dan Premis Makanan di Pulau Pinang dari Tahun 2010 Hingga 2017. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 61-72.